



8 April 2014  
8 April 2014  
P.U. (A) 94

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH KAWALAN BEKALAN (PENGECUALIAN) 2014

*CONTROL OF SUPPLIES (EXEMPTION) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

PERINTAH KAWALAN BEKALAN (PENGECCUALIAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5A Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Bekalan (Pengeccualian) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 8 April 2014.

**Pengeccualian**

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), penjual borong yang menjual kepada pembeli atau pembeli yang membeli daripada penjual borong, apa-apa barang berjadual yang dinyatakan dalam Jadual adalah dikeccualikan daripada kehendak di bawah subperaturan 9(2) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 [P.U. (A) 103/1974].

(2) Penjualan atau pembelian apa-apa barang berjadual yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah bagi maksud kegunaan sendiri pembeli itu sahaja.

(3) Dalam perenggan ini, “penjual borong” ertinya seseorang yang memegang suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 untuk berniaga apa-apa barang berjadual secara borong.